

## **Negara Kurang 1,000 Pemandu Treler Kontena**

---

Putrajaya : Industri pelabuhan negara berdepan kekurangan kira-kira 800 – 1,000 pemandu treler kontena untuk kerja pemindahan barangan, sekali gus keperluan mendesak terutama di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook berkata antara faktor kekurangan berkenaan ialah kurangnya minat daripada rakyat tempatan untuk bekerja dalam industri 3D (kotor, berbahaya dan sukar) selain ada yang berhenti serta bekerja di pelabuhan Singapura.

“Justeru, saya menggalakkan rakyat Malaysia mengisi kekosongan sebagai pemandu treler kontena di pelabuhan negara, malah gaji yang ditawarkan juga tinggi iaitu RM3,300.00 dan ke atas,” jelasnya.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S : 47 | 3 Mei 2019**